

## KANDUNGAN

RUKUN NEGARA	v	BIDANG PEMBELAJARAN 3 : Nilai Berkaitan Dengan Alam Sekitar	21
FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	vii	BIDANG PEMBELAJARAN 4 : Nilai Berkaitan Dengan Patriotisme	25
KATA PENGANTAR	ix	BIDANG PEMBELAJARAN 5 : Nilai Berkaitan Dengan Hak Asasi Manusia	29
PENDAHULUAN	1	BIDANG PEMBELAJARAN 6 : Nilai Berkaitan Dengan Demokrasi	34
HURAIAN SUKATAN PELAJARAN	3	BIDANG PEMBELAJARAN 7 : Nilai Berkaitan Dengan Keamanan dan Keharmonian	39
PEMBINAAN KEMAHIRAN MELALUI PERKEMBANGAN MORAL	7		
BIDANG PEMBELAJARAN 1 : Nilai Berkaitan Dengan Perkembangan Diri	9		
BIDANG PEMBELAJARAN 2 : Nilai Berkaitan Dengan Kekeluargaan	17		

## **RUKUN NEGARA**

**BAHAWASANYA** negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

**MAKA KAMI**, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut :

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**

**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**

**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**

**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan w arganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

## KATA PENGANTAR

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan kandungan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita mumi dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad 21.

Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharap dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharap dapat memberi penekanan kepada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, teori kecerdasan pelbagai, pembelajaran masteri, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran secara konstruktivisme, dan pembelajaran akses sendiri. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberi keyakinan kepada murid dan diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Dalam melaksanakan mata pelajaran Pendidikan Moral, guru perlu peka terhadap pembinaan akhlak dengan mengambil kira perkembangan pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral. Pengajaran dan pembelajaran hendaklah dilakukan secara berkesan dengan memberi tumpuan kepada penglibatan murid secara aktif dalam suasana yang kondusif dan mengembirakan.

Dalam menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran ini, banyak pihak terlibat terutamanya guru, pensyarah maktab dan universiti serta pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.



**Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BINTI SYED ZIN**  
Pegarah  
Pusat Perkembangan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia

## PENDAHULUAN

*Takrifan Pendidikan Moral*  
Pendidikan Moral ialah satu program yang mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral atau berakhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral.

Pendidikan Moral di sekolah menengah memberi tumpuan kepada usaha memupuk kekuatan kerohanian dan kemoralan murid melalui penghayatan dan amalan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum di negara ini. Dengan itu murid dapat membina satu panduan hidup yang membolehkan mereka menjadi insan yang bermoral. Hal ini membolehkan mereka menjadi individu yang bertanggungjawab moral dan sosial terhadap segala keputusan dan tindakan yang dilakukan.

Beberapa prinsip utama telah dikenal pasti sebagai panduan dalam melahirkan insan yang menyeluruh dari segi jasmani, intelek, emosi, rohani dan sosial.

Prinsip-prinsip itu adalah :

- bertanggungjawab pada diri, keluarga dan orang lain.
- berpegang teguh pada ajaran agama.
- prihatin pada alam sekitar.
- mengekalkan keamanan dan keharmonian hidup.
- bersemangat patriotik.

- menghormati hak asasi manusia; dan
- mengamalkan prinsip demokrasi dalam kehidupan.

Pemilihan prinsip-prinsip di atas dilakukan untuk merealisasikan semangat dan hasrat yang terkandung dalam Rukun Negara, Wawasan 2020 dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## KANDUNGAN SUKATAN PELAJARAN

*Tujuh Bidang Pembelajaran*


Untuk membolehkan murid memahami, menghayati serta mengamalkan prinsip-prinsip tersebut, sebanyak **tujuh bidang pembelajaran** telah dikenal pasti dan nilai-nilai moral disampaikan menerusi bidang pembelajaran tersebut. Selain aspek kerohanian dan kemanusiaan, bidang pembelajaran itu juga menekankan aspek kemasyarakatan dan kebudayaan. Bidang pembelajaran tersebut adalah seperti yang berikut.

- i. Nilai berkaitan dengan **Perkembangan Diri**
- ii. Nilai berkaitan dengan **Keluargaan**
- iii. Nilai berkaitan dengan **Alam Sekitar**
- iv. Nilai berkaitan dengan **Patriotisme**
- v. Nilai berkaitan dengan **Hak Asasi Manusia**
- vi. Nilai berkaitan dengan **Demokrasi**
- vii. Nilai berkaitan dengan **Keamanan Dan Keharmonian**

*Rangka  
Konsep*

Pengajaran nilai berfokus pada Model Insan Menyeluruh yang meliputi tiga dimensi moral yang saling berkaitan. (Rajah 1: Model Insan Menyeluruh). Perwatakan yang positif harus terdiri daripada tiga dimensi moral ini, iaitu pemikiran moral, perasaan moral dan tindakan moral. Pendidikan Moral yang efektif seharusnya membantu murid memahami nilai-nilai moral, menerima dan menunjukkan komitmen terhadapnya, serta mengamalkannya dalam kehidupan harian. Ketiga-tiga dimensi ini perlu untuk membolehkan seseorang murid mencapai tahap kematangan moral.

Teori perkembangan moral yang sebaik-baiknya ialah yang mempertimbangkan ketiga-tiga dimensi ini, iaitu pemikiran moral, perasaan moral dan tindakan moral. Perkembangan moral yang meliputi ketiga-tiga dimensi ini akan menyubur dan merangsangkan lagi kesedaran hati nurani yang menyebabkan insan berkenaan berasa gembira membuat apa yang betul dan berasa bersalah jika melakukan sesuatu yang tidak betul atau tidak bermoral. Program Pendidikan Moral ini tidak seharusnya mengabaikan aspek kesedaran hati nurani yang berfungsi menyepadukan ketiga-tiga dimensi moral tersebut.



RAJAH 1 : MODEL INSAN MENYELURUH

*Matlamat Pendidikan Moral*

Kurikulum Pendidikan Moral bermatlamat membentuk individu yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global.

*Objektif Pendidikan Moral*

Kurikulum Pendidikan Moral membolehkan murid :

- i. memahami dan menghayati nilai-nilai yang diperlukan untuk berakhlak mulia.
- ii. menyedari dan menerima kepentingan keharmonian antara manusia dengan alam sekitar serta berusaha ke arah mengekalkannya.
- iii. meningkatkan persefahaman dan kerjasama bagi mengekalkan keamanan dan keharmonian hidup dalam negara Malaysia yang demokratik.
- iv. mengembangkan pemikiran dan perasaan moral dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah; dan
- v. mempunyai iltizam untuk mengamalkan tingkah laku yang bermoral secara adil dan altruistik selaras dengan nilai murni masyarakat Malaysia.

## HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

*Tujuan*

Huraian Sukatan Pelajaran disediakan untuk membantu guru merancang aktiviti dan menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan tahap kematangan murid. Buku ini juga menyediakan penerangan untuk membantu guru melaksanakan kurikulum Pendidikan Moral dalam bilik darjah dengan berkesan.

*Penerangan Lajur*

Huraian Sukatan Pelajaran mengandungi bidang pembelajaran, nilai, penerangan nilai, kandungan akademik, hasil pembelajaran dan cadangan aktiviti pembelajaran. Setiap bidang pembelajaran dan nilai diperincikan mengikut tahun. Walaupun bidang pembelajaran dan nilai yang sama diajar pada setiap tahun, skop dan penekanan berbeza kerana isu moral atau kandungan yang dikemukakan semakin kompleks dan mendalam selaras dengan tahap kematangan murid.

*Format Empat Lajur*

Huraian Sukatan Pelajaran menggunakan format empat lajur utama, iaitu :

**Lajur Nilai** 1

**Lajur Kandungan Akademik** 2

**Lajur Hasil Pembelajaran** 3

**Lajur Cadangan Aktiviti Pembelajaran** 4

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN MORAL KBSM			
BIDANG PEMBELAJARAN 1 : NILAI BERKAITAN DENGAN PERKEMBANGAN DIRI			
NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
1.1 Kepercayaan kepada Tuhan  Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan memabahi segala suruhan-Nya berdasarkan pegangan agama masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.	Tuhan maha sebagai tingkah laku manusia  Kepercayaan beragama dalam kehidupan perlu diikuti oleh • Setiap manusia mempunyai tanggungjawab terhadap Tuhan • Pembalasan Tuhan kepada manusia terhadap setiap amalan ibadatnya	i. Melaksanakan tanggungjawab kepada Tuhan  ii. Menerima kenyaiban kalimah sebagai tindakan yang dibalakan akan mendapat pembalasan daripada Tuhan	Menonton tayangan video bertemaan tanggungjawab kepada Tuhan dan pembalasan Tuhan terhadap setiap tindakan manusia

Lajur Nilai Dalam lajur ini disenaraikan nilai-nilai yang terkandung di bawah Bidang Pembelajaran. Setiap nilai disertakan penerangannya **5** yang dipetik daripada Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (Semakan).

Lajur Kandungan Akademik Bagi setiap nilai disediakan kandungan akademik yang diolah bersesuaian dengan kebolehan dan tahap kematangan murid bermula dari diri, keluarga, masyarakat, negara hingga ke peringkat antarabangsa.

Kandungan akademik bagi setiap tingkatan disusun dengan jelas bermula dengan **tema 6** diikuti oleh **tajuk pengajaran 7** dan **huraian tajuk pengajaran 8** yang disertakan dengan contoh jika perlu bagi memudahkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Dalam perkembangan kurikulum dan proses pembelajaran, nilai dan kemahiran tidak boleh dipisahkan daripada kandungan atau pengetahuan akademik. Diandaikan bahawa murid akan berfikir secara kritikal serta bertindak lebih efektif terhadap sesuatu isu moral jika mereka dapat mengkaji dan memahami konsep isu itu, asal usulnya dan kesan-kesannya. Dengan adanya kandungan akademik ini, murid dapat mentelaah dan mengkaji bahan pembelajaran secara lebih terperinci. Kandungan akademik yang dimasukkan meliputi pelbagai bidang seperti agama, sejarah, alam sekitar, isu-isu semasa dan dasar-dasar kerajaan. Oleh itu, kandungan akademik harus diajar serta dipelajari bersama nilai dan kemahiran dalam usaha mencapai matlamat Pendidikan Moral.

Lajur Hasil Pembelajaran Hasil pembelajaran ialah penerangan atau pernyataan tentang pengetahuan, kemahiran dan sikap yang murid dijangka atau diharap mencapai dalam setiap tahun. **Guru boleh mencerakinkan hasil pembelajaran ini dalam bentuk yang lebih spesifik bersesuaian dengan kandungan yang disampaikan.**



Lajur  
Cadangan  
Aktiviti  
Pembelajaran

Lajur ini memuatkan cadangan aktiviti dan contoh isu atau situasi untuk pengajaran dan pembelajaran. Isu atau situasi yang dikemukakan bukan sahaja yang berkaitan dengan pengalaman diri murid tetapi juga meliputi hubungannya dengan keluarga, komuniti, negara dan peringkat antarabangsa. **Aktiviti, isu atau situasi tersebut tidak hanya terbatas kepada cadangan yang terdapat dalam Huraian Sukatan Pelajaran ini tetapi guru boleh mengambil contoh lain daripada pelbagai sumber asalkan dapat memperkukuh nilai yang diajar.**

Walaupun fokus pengajaran dan pembelajaran adalah kepada satu nilai, nilai-nilai lain yang sesuai perlu dihubungkan dan digabungkan supaya pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik, berkesan dan menyeluruh. Selain itu, unsur-unsur ilmu daripada pelbagai mata pelajaran lain harus disepadukan dalam merancang aktiviti sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Contoh  
Persembahan  
Lajur

**TINGKATAN 5**

**BIDANG PEMBELAJARAN 1:** Nilai Berkaitan Dengan  
Perkembangan Diri

**LAJUR NILAI**

Nilai : Kepercayaan kepada Tuhan

**Penerangan nilai :**

Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala suruhan Nya berlandaskan pegangan agama masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.

**LAJUR KANDUNGAN AKADEMIK**

**Tema :** Tuhan melihat segala tingkah laku manusia

**Tajuk pengajaran :** Kepercayaan beragama dalam kehidupan perlu dikukuhkan

**Huraian tajuk pengajaran :**

- Setiap manusia mempunyai tanggungjawab terhadap Tuhan
- Pembalasan Tuhan kepada manusia terhadap setiap amalan hidupnya

**LAJUR HASIL PEMBELAJARAN**

- i. Melaksanakan tanggungjawab kepada Tuhan
- ii. Menerima kenyataan bahawa setiap tindakan yang dilakukan akan mendapat pembalasan daripada Tuhan

**LAJUR CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN**

Menonton tayangan video bertemakan tanggungjawab terhadap Tuhan dan pembalasan Tuhan terhadap setiap tindakan manusia

PEMUPUKAN KEMAHIRAN UNTUK PERKEMBANGAN MORAL

Kemahiran Utama	<p>Kurikulum Pendidikan Moral memberi peluang kepada murid menguasai kemahiran-kemahiran tertentu seperti kemahiran generik, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran menyelesaikan konflik dan kemahiran sosial. Penguasaan kemahiran-kemahiran ini akan membolehkan murid menghadapi dunia ledakan maklumat dan alaf baru dengan penuh keyakinan dan sikap bertanggungjawab sosial dan moral. Penguasaan kemahiran ini juga akan membantu pembinaan daya tahan dan kebolehan menghadapi segala tekanan dan cabaran hidup di kalangan murid. Mengajar murid kemahiran-kemahiran ini boleh dianggap sebagai satu cara memupuk dan merangsang perkembangan moral mereka.</p>	<p>pemikiran kritikal ini juga membantu murid menyelesaikan masalah dan membuat keputusan yang lebih baik dan seterusnya berjaya dalam kerjaya mereka.</p>
Kemahiran Pemikiran Kreatif	<p>Guru boleh mengajar kemahiran penyelesaian konflik yang akan membantu murid membuat keputusan berasaskan nilai dengan mengambil kira perbezaan nilai yang ada pada diri sendiri dan orang lain. Penguasaan kemahiran penyelesaian konflik melalui Pendidikan Moral boleh membantu murid berhubung atau berkomunikasi dengan orang lain secara lebih berkesan dan mengelakkan sebarang konflik.</p>	<p>Kebolehan berfikir secara kreatif membantu murid mencari dan bertemu dengan cara penyelesaian dan alternatif yang lebih baik ketika menghadapi masalah dan konflik dalam kehidupan. Pendidikan Moral memberi peluang kepada murid untuk berfikir secara kreatif dalam menjalankan aktiviti yang bermanfaat untuk diri sendiri dan orang lain.</p>
Kemahiran Penyelesaian Konflik	Kemahiran Menentang Tekanan Rakan Sebaya	<p>Penguasaan kemahiran menentang tekanan rakan sebaya sangat penting dalam pendidikan nilai atau moral, khususnya apabila kemahiran ini digunakan dalam usaha pencegahan salah guna dadah atau sebarang bentuk salah laku yang lain. Mengajar murid menentang tekanan rakan sebaya tidak bermakna mengajar mereka tidak mementingkan nasihat yang baik daripada rakan sebaya mereka tetapi mengajar murid supaya berfikir, berbincang dengan sumber lain dan mempertahankan nilai moral sendiri.</p>
Kemahiran Pemikiran Kritikal	Kemahiran Mengkaji Masa Depan	<p>Pendidikan Moral memupuk kemahiran mengkaji masa depan di kalangan murid iaitu pendekatan pembelajaran yang membolehkan murid menyedari tentang isu atau permasalahan yang berlaku pada masa yang lampau, masa kini dan masa depan. Ini membantu murid membuat ramalan, menjangka akibat serta bersedia menyesuaikan diri terhadap perubahan yang mungkin berlaku.</p>

Kemahiran Teknologi Maklumat Dalam pengajaran Pendidikan Moral, murid diberi kesempatan mencari dan memperoleh sumber-sumber maklumat yang tepat melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi seperti *Internet*, laman *web*, *e-mail*, *CD-Rom* dan sidang telekomunikasi. Aktiviti seperti ini dapat berfungsi sebagai perangsang dan pemangkin kepada perkembangan minda murid. Selain itu melalui Pendidikan Moral, murid-murid dapat membuat pertimbangan dengan mencari maklumat yang positif dan mengelakkan mereka daripada melayari laman-laman web yang berunsur negatif.

Kemahiran Sosial Kemahiran sosial memberi penekanan kepada kebolehan sosial untuk berkomunikasi dengan orang lain dalam sesuatu situasi sosial yang boleh diterima oleh masyarakat dan pada masa yang sama bermanfaat kepada diri dan orang lain. Kemahiran sosial ini boleh diajar dengan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran.

# **BIDANG PEMBELAJARAN 1**

## **NILAI BERKAITAN DENGAN PERKEMBANGAN DIRI**

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN MORAL KBSM  
TINGKATAN LIMA

BIDANG PEMBELAJARAN 1 : NILAI BERKAITAN DENGAN PERKEMBANGAN DIRI

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>1.1 Kepercayaan kepada Tuhan</b></p> <p>Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala suruhanNya berlandaskan pegangan agama masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.</p>	<p><b>Tuhan melihat segala tingkah laku manusia</b></p> <p>Kepercayaan beragama dalam kehidupan perlu dikukuhkan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap manusia mempunyai tanggungjawab terhadap Tuhan</li> <li>• Pembalasan Tuhan kepada manusia terhadap setiap amalan hidupnya</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melaksanakan tanggungjawab kepada Tuhan</li> <li>ii. Menerima kenyataan bahawa setiap tindakan yang dilakukan akan mendapat pembalasan daripada Tuhan</li> </ul>	<p>Menonton tayangan video bertemakan tanggungjawab terhadap Tuhan dan pembalasan Tuhan terhadap setiap tindakan manusia</p>
<p><b>1.2 Amanah</b></p> <p>Sikap bertanggungjawab yang boleh menimbulkan kepercayaan dan keyakinan orang lain.</p>	<p><b>Insan yang amanah dipandang mulia</b></p> <p>Perangi rasuah musuh negara</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Implikasi rasuah terhadap diri, keluarga dan negara</li> <li>• Peranan kerajaan dalam menangani isu rasuah <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendidikan</li> <li>- Jentera pentadbiran kerajaan (Kepimpinan Melalui Teladan)</li> <li>- Undang-undang : (Akta Pencegahan Rasuah dan Akta Rahsia Rasmi)</li> </ul> </li> </ul>	<p>Sentiasa mengamalkan sikap amanah dalam melaksanakan tugas dan kewajipan dengan tidak melibatkan diri dalam gejala rasuah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengumpul maklumat dan berbincang tentang cara membanteras rasuah</li> <li>ii. Forum bertema 'Cara Menangani Rasuah'</li> </ul>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>1.3 Harga Diri</b></p> <p>Keupayaan dan keyakinan diri agar mampu memuliah dan menjaga maruah diri dalam kehidupan.</p>	<p><b>Prinsip hidup mencerminkan identiti diri</b></p> <p>Pegangan hidup yang kukuh membentuk maruah diri</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Maruah diri perlu dipelihara</li> <li>• Tidak melakukan perbuatan sumbang <ul style="list-style-type: none"> <li>- Seks luar nikah</li> <li>- Pelacuran</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menjaga dan mempertahankan maruah diri</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Perbincangan berkumpulan tentang aktiviti penyelesaian masalah sosial remaja</li> <li>ii. Menyediakan skrip drama yang bertemakan isu sosial remaja dan melakonkannya</li> </ol>
<p><b>1.4 Bertanggungjawab</b></p> <p>Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.</p>	<p><b>Sikap bertanggungjawab menjamin masa depan</b></p> <p>Perancangan secara bertanggungjawab kunci kejayaan hidup</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perancangan untuk masa depan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perbelanjaan</li> <li>- Kerjaya</li> <li>- Kehidupan dewasa dan berkeluarga</li> </ul> </li> </ul>	<p>Merancang masa depan dengan penuh tanggungjawab</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Menghasilkan roda masa depan berkaitan kerjaya yang dipilih</li> <li>ii. Menyediakan senarai perbelanjaan untuk masa depan</li> </ol>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN MORAL KBSM  
TINGKATAN LIMA

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>1.5 Hemah Tinggi</b></p> <p>Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam pergaulan seharian.</p>	<p><b>Hemah Tinggi membentuk peribadi mulia</b></p> <p>Peribadi mulia menjadi ikutan dan disanjung tinggi</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peribadi mulia tokoh-tokoh dicontohi               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tokoh-tokoh ahli fikir (Imam Al-Ghazali, Socrates, Confucius, Swami Vivekananda)</li> <li>- Tokoh-tokoh pemimpin negara (Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Mahatma Ghandi)</li> </ul> </li> </ul>	<p>Mengamalkan sikap hemah tinggi seperti mana tokoh-tokoh yang berperibadi mulia</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan buku log tentang keperibadian tokoh-tokoh yang boleh dicontohi (ahli fikir dan pemimpin negara)</li> <li>ii. Mengumpul dan membincangkan kata-kata hikmat tokoh, ahli fikir dan pemimpin negara</li> </ul>
<p><b>1.6 Toleransi</b></p> <p>Kesanggupan bertolak ansur, sabar dan mengawal diri bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan dan perselisihan faham demi kesejahteraan hidup.</p>	<p><b>Toleransi kunci keharmonian negara</b></p> <p>Toleransi membantu merealisasikan dasar negara</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengagihan kekayaan negara               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Dasar Pembangunan Nasional</li> </ul> </li> <li>• Kepelbagaian kebudayaan dan kesenian               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Dasar Kebudayaan Kebangsaan</li> </ul> </li> </ul>	<p>Bertolak ansur dan menerima dasar negara yang dilaksanakan demi keharmonian negara</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melayari laman web untuk mendapat maklumat tentang Dasar Pembangunan Nasional dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan</li> <li>ii. Tayangan audio visual mengenai Dasar Pembangunan Nasional dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan</li> <li>iii. Reka cipta seni/fesyen yang mencerminkan kepelbagaian budaya</li> </ul>



NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>1.7 Berdikari</b></p> <p>Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain.</p>	<p><b>Berdikari menjamin kemajuan negara</b></p> <p>Masyarakat berdikari negara maju</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amalan berdikari dalam pelbagai bidang               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Politik</li> <li>- Ekonomi</li> </ul> </li> </ul>	<p>Berusaha sendiri sehingga berjaya demi negara</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyedia dan membincangkan 'Goal Setting Task' individu untuk mencapai kejayaan dalam politik dan ekonomi</li> <li>ii. Kajian kes tentang kejayaan negara dalam politik</li> </ul>
<p><b>1.8 Kerajinan</b></p> <p>Usaha yang berterusan penuh dengan semangat ketekunan, kecekalan, kegigihan, dedikasi dan berdaya maju dalam melakukan sesuatu perkara.</p>	<p><b>Masyarakat yang rajin disanjung tinggi</b></p> <p>Sumbangan tamadun silam dalam mencapai kecemerlangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sikap dedikasi, kecekalan dan ketekunan manusia zaman silam sebagai panduan kejayaan               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tamadun awal (Kesenian, seni bina dan muzik)</li> <li>- Kebangkitan semula selepas ditimpa mala petaka (Peperangan dan bencana alam)</li> </ul> </li> </ul>	<p>Bersikap rajin dengan mencontohi kejayaan peristiwa silam sebagai panduan untuk berjaya</p>	<p>Membuat kajian kes tentang kerajinan individu/masyarakat zaman silam</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN MORAL KBSM  
TINGKATAN LIMA

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>1.9 Kasih Sayang</b></p> <p>Kepekaan dan perasaan cinta yang mendalam serta berkekalan yang lahir daripada hati yang ikhlas.</p>	<p><b>Budaya penyayang pegangan hidup</b></p> <p>Sikap prihatin menjamin kesejahteraan masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Prihatin dan menangani masalah dalam masyarakat <ul style="list-style-type: none"> <li>- Gejala sosial</li> </ul> </li> </ul>	<p>Mengambil berat dan melibatkan diri dalam menangani pelbagai masalah dalam masyarakat</p>	<p>Tayangan video bertema masalah sosial remaja dan membincangkan cara menangani masalah tersebut</p>
<p><b>1.10 Keadilan</b></p> <p>Tindakan dan keputusan yang saksama serta tidak berat sebelah.</p>	<p><b>Keadilan teras kesejahteraan negara</b></p> <p>Keadilan menjamin pentadbiran yang kukuh</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amalan keadilan dalam pentadbiran kerajaan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemberian ganjaran dan hukuman</li> <li>- Pembayaran pelbagai jenis cukai</li> <li>- Pembahagian rumah kos rendah</li> </ul> </li> </ul>	<p>Akur dengan prinsip keadilan yang dipraktikkan dalam pentadbiran kerajaan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melayari laman web untuk mencari maklumat tentang pembayaran cukai dan membincangkan maklumat tersebut</li> <li>ii. Perbincangan tentang rasional prinsip keadilan dalam pentadbiran kerajaan</li> </ul>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>1.11 Rasional</b></p> <p>Boleh berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan berasaskan pertimbangan yang wajar.</p>	<p><b>Pemikiran rasional penting dalam menangani konflik</b></p> <p>Penyelesaian masalah secara objektif dan menyeluruh</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Langkah penyelesaian sesuatu masalah <ul style="list-style-type: none"> <li>- Meramal</li> <li>- Mencari bukti</li> <li>- Menganalisis bukti</li> <li>- Membuat keputusan</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menyelesaikan masalah dengan bijaksana dan konsisten</p>	<p>Perbincangan kumpulan cara-cara menyelesaikan sesuatu masalah</p>
<p><b>1.12 Kesederhanaan</b></p> <p>Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan dan tindakan sama ada dalam pemikiran, pertuturan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.</p>	<p><b>Kesederhanaan asas keharmonian hidup</b></p> <p>Kesederhanaan menjamin keseimbangan pembangunan negara</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesederhanaan dalam dasar-dasar kerajaan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pembangunan insan</li> <li>- Pembangunan fizikal</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menghargai dan menyokong usaha kerajaan dalam menyeimbangkan pembangunan insan dan fizikal</p>	<p>Kaji selidik tentang kesederhanaan dan keseimbangan pelaksanaan pembangunan insan dan fizikal yang dilaksanakan oleh kerajaan dan swasta</p>

## **BIDANG PEMBELAJARAN 2**

# **NILAI BERKAITAN DENGAN KEKELUARGAAN**

**BIDANG PEMBELAJARAN 2 : NILAI BERKAITAN DENGAN KEKELUARGAAN**

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>2.1 Kasih Sayang terhadap Keluarga</b></p> <p>Perasaan cinta, kasih dan sayang yang mendalam dan berkekalan terhadap keluarga.</p>	<p>Sikap prihatin memupuk kasih sayang terhadap anggota keluarga</p> <p>Tanggungjawab menjaga ibu bapa dan anggota keluarga ialah satu amanah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjagaan ibu bapa dan anggota keluarga yang tua, uzur dan yang memerlukan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menjaga ibu bapa dengan penuh kasih sayang</li> <li>ii. Menjaga anggota keluarga yang memerlukan perhatian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengadakan Kempen "Sayangilah Ibu Bapa" dan menghasilkan bahan berkaitan kempen seperti slogan, poster, sajak dan esei</li> <li>ii. Main peranan sebagai anak/anggota keluarga yang sanggup berkorban menjaga kebajikan ibu bapa/anggota keluarga</li> </ul>
<p><b>2.2 Hormat dan taat kepada anggota keluarga</b></p> <p>Memuliakan setiap anggota keluarga dengan berinteraksi dan memberi layanan secara bersopan untuk mewujudkan keluarga yang harmoni.</p>	<p>Hormat-menghormati membentuk peribadi keluarga</p> <p>Saling menghormati antara anggota keluarga dipupuk melalui asuhan yang baik</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cara asuhan yang baik <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kepemimpinan melalui teladan</li> <li>- Hukuman yang positif</li> <li>- Interaksi yang bersopan (Ucapan terima kasih dan memohon maaf)</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menghormati dan menerima asuhan keluarga</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perbincangan bertajuk 'Hukuman yang Membina Merupakan Asuhan yang Baik'</li> <li>ii. Sketsa tentang interaksi yang bersopan antara anggota keluarga</li> </ul>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>2.3 Mengekalkan Tradisi Kekeluargaan</b></p> <p>Menerima, menghormati dan mengamalkan sesuatu kebiasaan, adat dan kepercayaan yang diwarisi secara turun-temurun dalam keluarga.</p>	<p><b>Tradisi kekeluargaan khazanah budaya bangsa</b></p> <p>Pengekalan tradisi kekeluargaan tanggungjawab bersama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peranan kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam mengekalkan adat resam kekeluargaan pelbagai keturunan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Muzium</li> <li>- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan</li> <li>- Arkib Negara</li> <li>- Kelab Budaya</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menghargai dan menjunjung tradisi keluarga sebagai khazanah budaya bangsa</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Lawatan ke Arkib Negara untuk mendapatkan maklumat tentang tradisi kekeluargaan bagi mengekalkan budaya bangsa</li> <li>ii. Menyediakan buku log berkaitan dengan tradisi kekeluargaan pelbagai keturunan</li> </ol>
<p><b>2.4 Tanggungjawab terhadap Keluarga</b></p> <p>Kewajipan yang harus dilaksanakan oleh setiap individu terhadap keluarga untuk melahirkan keluarga bahagia, meningkatkan imej dan menjaga maruah keluarga.</p>	<p><b>Keharmonian keluarga mencerminkan anggotanya</b></p> <p>Kewajipan terhadap keluarga membentuk kesejahteraan keluarga</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kewajipan menjaga keharmonian keluarga secara menyeluruh dalam pelbagai aspek <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kewajipan sosial (Pendidikan, keselamatan, kepimpinan)</li> <li>- Kewajipan ekonomi (Sumber rezeki yang halal)</li> <li>- Kewajipan agama (Ibu bapa sebagai model dan pendidik agama)</li> </ul> </li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota keluarga demi menjaga keharmonian keluarga</li> <li>ii. Menerima dan menghormati tanggungjawab ibu bapa sebagai pemimpin keluarga</li> </ol>	<p>Perbincangan berlandaskan rangsangan audio/visual yang menunjukkan perlunya menghormati ibu bapa sebagai pemimpin keluarga dan peranan anggota keluarga dalam menjaga keharmonian keluarga</p>

# **BIDANG PEMBELAJARAN 3**

## **NILAI BERKAITAN DENGAN ALAM SEKITAR**

**BIDANG PEMBELAJARAN 3 : NILAI BERKAITAN DENGAN ALAM SEKITAR**

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>3.1 Menyayangi dan Menghargai Alam Sekitar</b></p> <p>Kesedaran tentang perlunya memelihara dan memulihara alam sekeliling untuk mengekalkan keseimbangan ekosistem.</p>	<p>Kemapanan alam sekitar untuk kebaikan sejagat</p> <p>Kemapanan alam sekitar tanggungjawab bersama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peranan dan tanggungjawab agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan dalam mencegah eksploitasi sumber yang berlebihan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan)</li> <li>- Jabatan Perikanan</li> <li>- World Wide Fund for Nature (WWF)</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menerima wujudnya badan-badan yang bertanggungjawab terhadap pencegahan eksploitasi sumber dan menyokong usaha-usaha yang dijalankan</p>	<p>Menyediakan kertas kerja/cadangan/poster berkaitan penglibatan murid dalam menyokong usaha yang dijalankan oleh badan-badan tertentu untuk kemapanan alam sekitar</p>
<p><b>3.2 Keharmonian antara Manusia dengan Alam Sekitar</b></p> <p>Keadaan saling memerlukan hubungan yang harmonis antara manusia dengan alam sekeliling supaya kualiti kehidupan manusia dan alam sekeliling terpelihara.</p>	<p><b>Manusia sebagai pengurus alam yang bijaksana</b></p> <p>Keharmonian antara manusia dengan alam sekitar perlu untuk mengelakkan berlakunya bencana alam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penerokaan hutan secara terkawal</li> <li>• Pembangunan yang terancang <ul style="list-style-type: none"> <li>- Empangan Kenyir (Terengganu)</li> <li>- Empangan Hoover (Amerika Syarikat)</li> <li>- Empangan Aswan (Mesir)</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyokong usaha-usaha mengurus alam secara bijaksana</li> <li>ii. Menerima hakikat bahawa sumber alam yang tidak diurus dengan bijaksana akan mengakibatkan bencana alam</li> </ul>	<p>Menjalankan kajian kes bagi menilai keseimbangan amalan pengurusan alam dan keharmonian antara manusia dan alam sekitar</p>



HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN MORAL KBSM  
TINGKATAN LIMA

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>3.3 Kemapanan Alam Sekitar</b></p> <p>Pengekalan keseimbangan alam sekeliling sebagai tanggungjawab bersama untuk kesejahteraan hidup.</p>	<p>Undang-undang memandu manusia ke arah kebaikan</p> <p>Undang-undang alam sekitar menjamin keseimbangan alam sekitar</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kepentingan dan tanggungjawab mematuhi peraturan dan undang-undang berkaitan dengan kemapanan alam sekitar <ul style="list-style-type: none"> <li>- Akta Kualiti Alam Sekitar</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menerima dan mematuhi peraturan dan undang-undang berkaitan dengan alam sekitar bagi menjamin keseimbangan alam</p>	<p>Kerja projek/kempen kesedaran tentang peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan pengurusan alam sekitar</p>
<p><b>3.4 Peka terhadap Isu-isu Alam Sekitar</b></p> <p>Prihatin terhadap persoalan yang berkaitan dengan alam sekeliling dan berusaha menyelesaikannya.</p>	<p>Masa depan manusia dan alam sekitar bergantung pada gaya hidup masa kini</p> <p>Perancangan dan tindakan manusia menentukan alam sekitar</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tindakan manusia yang terancang dapat mengekalkan sumber semula jadi <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sumber tenaga</li> <li>- Sumber air</li> <li>- Sumber hutan</li> </ul> </li> <li>• Tindakan manusia yang rakus membawa kemusnahan alam sekitar <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ujian nuklear</li> <li>- Peperangan</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menggunakan sumber semulajadi dengan penuh tanggungjawab</li> <li>ii. Menggunakan ciptaan manusia dengan bertanggungjawab tanpa memusnahkan alam sekitar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Lawatan ke hutan lipur/empangan/hutan simpan untuk mengkaji penggunaan sumber alam dengan terancang</li> <li>ii. Melayari laman web untuk mendapat maklumat tentang kesan peperangan dan ujian nuklear terhadap alam sekitar dan membincangkannya</li> </ul>

# **BIDANG PEMBELAJARAN 4**

## **NILAI BERKAITAN DENGAN PATRIOTISME**

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN MORAL KBSM  
TINGKATAN LIMA

BIDANG PEMBELAJARAN 4 : NILAI BERKAITAN DENGAN PATRIOTISME

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>4.1 Cinta akan Negara</b></p> <p>Perasaan sayang dan bangga kepada negara serta meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan diri.</p>	<p><b>Cinta akan negara asas kesejahteraan bersama</b></p> <p>Keharmonian masyarakat majmuk menjadi kebanggaan negara</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kepelbagaian agama dan budaya dalam masyarakat menjadi kebanggaan bersama           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Agama/Kepercayaan</li> <li>- Tradisi dan adat resam</li> <li>- Bahasa</li> </ul> </li> </ul>	<p>Berbangga dengan kepelbagaian agama dan budaya dalam masyarakat di Malaysia</p>	<p>Forum bertajuk 'Kepelbagaian agama dan budaya mewujudkan kesejahteraan negara'</p>
<p><b>4.2 Taat Setia pada Raja dan Negara</b></p> <p>Kepatuhan dan kesetiaan yang berkekalan kepada Raja dan Negara.</p>	<p><b>Kesetiaan pada negara tanda kedaulatan negara</b></p> <p>Kedaulatan negara dipertahankan dan disanjung tinggi</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kedaulatan, pertahanan dan keselamatan negara tanggungjawab bersama           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kerajaan</li> <li>- Rakyat</li> </ul> </li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Mengelakkan diri daripada terlibat dengan anasir-anasir subversif yang akan mengancam keselamatan negara</li> <li>ii. Mencerah bakti dengan taat setia demi kedaulatan negara</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Menulis laporan ringkas mengenai peristiwa-peristiwa yang mengancam keselamatan negara</li> <li>ii. Tayangan filem 'Peristiwa di Bukit Kepong' dan 'Lt. Adnan' dan membincangkan kesetiaan pasukan polis dan tentera mempertahankan negara</li> </ol>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>4.3 Sanggup Berkorban untuk Negara</b></p> <p>Kerelaan melakukan atau menyerahkan sesuatu termasuk nyawa sebagai tanda kebaktian untuk negara.</p>	<p><b>Semangat patriotik mengharumkan nama negara</b></p> <p>Rakyat sebagai wakil negara di peringkat antarabangsa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sikap bertanggungjawab sebagai wakil negara dalam pelbagai bidang</li> <li>• Penglibatan diri dalam aktiviti yang mencabar untuk menaikkan imej negara <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ekspedisi ke Gunung Everest</li> <li>- Ekspedisi ke Kutub Utara dan Selatan</li> <li>- Pelayaran mengelilingi dunia</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kesanggupan berkhidmat dan bertindak sebagai duta kecil mewakili negara</li> <li>ii. Meneroka aktiviti baru dan mencabar untuk mengharumkan nama negara</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Main peranan sebagai duta kecil mewakili negara dalam pelbagai bidang untuk menaikkan imej negara</li> <li>ii. Menceburi/melibatkan diri dalam program- program kenegaraan yang boleh mengharumkan nama dan imej negara</li> </ul>

# **BIDANG PEMBELAJARAN 5**

## **NILAI BERKAITAN DENGAN HAK ASASI MANUSIA**

BIDANG PEMBELAJARAN 1 : NILAI BERKAITAN DENGAN HAK ASASI MANUSIA

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>5.1 Melindungi Hak Kanak-Kanak</b></p> <p>Membela, memberi naungan dan memelihara hak kanak-kanak bagi menjamin kehidupan mereka yang sempurna.</p>	<p><b>Kanak-kanak berhak disayangi dan dilindungi</b></p> <p>Perlindungan terhadap kanak-kanak tanggungjawab semua pihak</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peranan pelbagai pihak dalam melindungi kanak-kanak <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kerajaan (Akta Perlindungan Kanak-kanak berkaitan penderaan, gangguan seksual dan buruh kanak-kanak)</li> <li>- Rumah-rumah perlindungan</li> <li>- Peranan badan bukan kerajaan</li> <li>- Peranan Individu</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menyedari dan menerima peranan pelbagai pihak dalam memberi perlindungan terhadap kanak-kanak</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengumpul maklumat dan berbincang tentang undang-undang yang ada untuk melindungi hak kanak-kanak</li> <li>ii. Mencipta lirik bertemakan 'Kanak-kanak perlu disayangi dan dilindungi'</li> </ul>
<p><b>5.2 Menghormati Hak Wanita</b></p> <p>Melindungi dan mengiktiraf wanita sebagai individu yang boleh memberi sumbangan dalam pembangunan keluarga, masyarakat dan negara.</p>	<p><b>Wanita berjasa negara makmur</b></p> <p>Wanita dalam pembangunan negara</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumbangan wanita dalam pelbagai bidang pembangunan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Politik</li> <li>- Ekonomi</li> <li>- Sosial</li> <li>- Sains dan teknologi</li> </ul> </li> </ul>	<p>Mengiktiraf sumbangan wanita dalam pelbagai bidang demi pembangunan negara</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. mencari maklumat tentang sumbangan tokoh wanita kepada masyarakat dalam pelbagai bidang</li> <li>ii. Perbincangan mengenai seorang wanita yang dikagumi yang boleh dijadikan idola</li> </ul>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN MORAL KBSM  
TINGKATAN LIMA

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>5.3 Melindungi Hak Pekerja</b></p> <p>Menghormati, menghargai dan mengiktiraf perkhidmatan, jasa dan sumbangan golongan pekerja dalam pembangunan negara.</p>	<p><b>Undang-undang menjamin kesejahteraan pekerja</b></p> <p>Undang-undang melindungi hak pekerja</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Undang-undang untuk melindungi pekerja daripada ditindas <ul style="list-style-type: none"> <li>- Akta Buruh</li> <li>- Mahkamah Buruh</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menerima dan mematuhi undang-undang yang melindungi hak pekerja</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Mengumpul maklumat tentang undang-undang yang melindungi hak pekerja</li> <li>ii. Membuat laporan berdasarkan contoh-contoh/kes-kes pekerja yang ditindas dan mengkaji tindakan yang diambil terhadap pihak yang menindas</li> </ol>
<p><b>5.4 Menghormati Hak Golongan Kurang Berupaya</b></p> <p>Memberi layanan yang bersopan kepada golongan kurang berupaya supaya tidak berasa tersisih dan mengiktiraf mereka sebagai insan ciptaan Tuhan.</p>	<p><b>Kecacatan bukan penghalang produktiviti</b></p> <p>Golongan kurang berupaya memainkan peranan penting dalam pembangunan negara</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peranan dan sumbangan golongan kurang berupaya dalam pelbagai bidang <ul style="list-style-type: none"> <li>- Politik</li> <li>- Ekonomi</li> <li>- Sosial</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menerima bahawa golongan kurang berupaya juga dapat menyumbang dalam pelbagai bidang demi pembangunan negara</p>	<p>Membuat folio tentang peranan dan sumbangan individu/golongan kurang berupaya dalam pelbagai bidang</p>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>5.5 Melindungi Hak Pengguna</b></p> <p>Membela dan memelihara hak individu untuk menjadi pengguna yang berilmu, mendapat perkhidmatan serta barangan yang berkualiti dan tidak mudah dieksploitasi.</p>	<p><b>Hak pengguna terbelah masyarakat makmur</b></p> <p>Kebajikan pengguna tanggungjawab semua</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peranan agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan dalam melindungi serta menjamin hak pengguna <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Akta pengguna)</li> <li>- Persatuan pengguna</li> <li>- Agensi-agensi antarabangsa</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menyokong usaha pelbagai pihak dalam melindungi dan menjamin hak pengguna</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kempen kesedaran pengguna tentang hak untuk mendapat perkhidmatan dan barangan yang berkualiti</li> <li>ii. Menghasilkan poster/cogan kata untuk meningkatkan kesedaran tentang hak pengguna</li> </ol>



# BIDANG PEMBELAJARAN 6

## **NILAI BERKAITAN DENGAN DEMOKRASI**

BIDANG PEMBELAJARAN 6 : NILAI BERKAITAN DENGAN DEMOKRASI

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>6.1 Mematuhi Peraturan dan Undang-Undang</b></p> <p>Menerima dan mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditentukan tanpa mengira sesiapa dan di mana seseorang itu berada.</p>	<p>Undang-undang antarabangsa menjamin kesejahteraan masyarakat global</p> <p>Undang-undang antarabangsa untuk kebaikan bersama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Patuh kepada undang-undang antarabangsa           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Akta mencegah penyeludupan</li> <li>- Undang-undang laut antarabangsa</li> <li>- Undang-undang Siber</li> <li>- Mahkamah antarabangsa</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menerima dan mematuhi undang-undang antarabangsa bagi menjamin keamanan sejagat</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengumpul maklumat dan berbincang tentang undang-undang antarabangsa</li> <li>ii. Kajian kes tentang isu-isu undang-undang antarabangsa</li> <li>iii. Ceramah tentang undang-undang antarabangsa</li> </ul>
<p><b>6.2 Kebebasan Bersuara</b></p> <p>Kebebasan berucap dan mengeluarkan fikiran dengan batasan tertentu bagi menjaga keselamatan dan ketenteraman.</p>	<p>Media saluran komunikasi untuk manfaat bersama</p> <p>Media sebagai saluran komunikasi</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peranan media massa sebagai alat perhubungan           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Percambahan idea/pendapat</li> <li>- Luahan rasa</li> <li>- Penilaian secara objektif</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memahami peranan media massa sebagai alat perhubungan</li> <li>ii. Menggunakan saluran media massa dengan bertanggungjawab demi kebaikan bersama</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menulis surat kepada pihak media massa tertentu untuk memberi pendapat dan pandangan tentang isu-isu semasa demi kebaikan bersama</li> <li>ii. Menyediakan buletin bulanan moral sebagai saluran untuk menyuarakan/meluahkan perasaan/idea dengan bertanggungjawab untuk kebaikan bersama</li> </ul>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN MORAL KBSM  
TINGKATAN LIMA

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>6.3 Kebebasan Beragama</b></p> <p>Kebebasan setiap individu untuk menganuti dan mengamalkan agamanya seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia.</p>	<p><b>Kebebasan beragama menjamin kesejahteraan bersama</b></p> <p>Hormati amalan keagamaan setiap individu</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peranan pelbagai pihak memberikan kebebasan kepada individu untuk mengamalkan kewajipan keagamaan masing-masing <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kerajaan</li> <li>- Swasta (cuti/masa pelepasan)</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menerima bahawa setiap individu bebas dan berhak melakukan kewajipan agama masing-masing</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mencari maklumat tentang cuti/masa pelepasan yang diperuntukkan bagi amalan keagamaan</li> <li>ii. Pidato bertemakan 'Kebebasan beragama di Malaysia'</li> </ul>
<p><b>6.4 Penglibatan Diri dalam Pembangunan Negara</b></p> <p>Kebebasan untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti pembangunan negara dengan mematuhi peraturan, undang-undang dan Perlembagaan Malaysia.</p>	<p><b>Rakyat bertanggungjawab negara makmur Negara</b></p> <p>Pembangunan negara tanggungjawab setiap rakyat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penglibatan pelbagai pihak dalam projek dan program pembangunan negara <ul style="list-style-type: none"> <li>- Peranan badan-badan sukarela</li> <li>- Peranan individu/rakyat</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melibatkan diri dalam aktiviti badan sukarela untuk membangunkan negara</li> <li>ii. Menyokong dan menjayakan projek dan program pembangunan negara</li> </ul>	<p>Lawatan sambil belajar ke salah sebuah badan sukarela dan mengumpul maklumat tentang aktiviti badan tersebut dalam program pembangunan negara</p>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>6.5 Sikap Keterbukaan</b></p> <p>Bersedia memberi dan menerima pandangan, pembaharuan dan kritikan selaras dengan kebenaran fakta dan norma masyarakat Malaysia.</p>	<p><b>Tindakan berasaskan saluran yang betul menjamin kepentingan bersama</b></p> <p>Sikap terbuka dalam penyelesaian masalah demi kebaikan bersama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amalan sikap keterbukaan dalam menangani sesuatu masalah mengikut saluran tertentu <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pihak berkuasa (polis, mahkamah)</li> <li>- Agensi kerajaan (kementerian)</li> <li>- Pihak swasta</li> <li>- Pertubuhan antarabangsa</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menerima bahawa setiap masalah boleh diatasi mengikut saluran yang betul</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Main peranan tentang penyelesaian sesuatu isu melalui saluran tertentu.</li> <li>ii. Perbincangan tentang isu-isu global yang menggambarkan sikap keterbukaan.</li> </ol>

# **BIDANG PEMBELAJARAN 7**

## **NILAI BERKAITAN DENGAN KEAMANAN DAN KEHARMONIAN**

BIDANG PEMBELAJARAN 7 : NILAI BERKAITAN DENGAN KEAMANAN DAN KEHARMONIAN

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>7.1 Hidup Bersama Secara Aman</b></p> <p>Hidup baik-baik antara satu sama lain dengan mengutamakan kedamaian dan keharmonian hidup tanpa mengira agama, bangsa dan budaya.</p>	<p>Persefahaman sejagat menjamin kesejahteraan masyarakat global</p> <p>Keharmonian Global tanggungjawab bersama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peranan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dalam meningkatkan persefahaman bersama <ul style="list-style-type: none"> <li>- Komanwel</li> <li>- Pertubuhan Negara-Negara Islam</li> <li>- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu</li> <li>- Pertubuhan Antarabangsa lain</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menyokong peranan yang dimainkan oleh pertubuhan antarabangsa dalam menjamin kesejahteraan sejagat</p>	<p>Membuat buku log berkaitan peranan pertubuhan antarabangsa</p>
<p><b>7.2 Saling Membantu dan Bekerjasama</b></p> <p>Usaha yang baik dan membina yang dilakukan bersama pada peringkat individu, komuniti atau negara untuk mencapai sesuatu matlamat.</p>	<p>Saling bekerjasama antara negara menjamin kesejahteraan sejagat</p> <p>Usaha baik antara negara dijayakan bersama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerjasama antara negara dalam pelbagai bidang <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ekonomi</li> <li>- Sosial</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menyokong kerjasama antara negara dalam pelbagai bidang bagi mengeratkan hubungan sejagat</p>	<p>Kajian kes tentang kerjasama serantau dalam bidang ekonomi dan sosial</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN MORAL KBSM  
TINGKATAN LIMA

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>7.3 Saling Menghormati antara Negara</b></p> <p>Menghargai dan memuliakan hubungan antara negara untuk menjamin kesejahteraan sejagat.</p>	<p><b>Hormat- menghormati antara negara asas hubungan yang harmoni</b></p> <p>Perhubungan baik antara negara menjamin kebaikan bersama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaksanaan pelbagai program untuk mewujudkan hubungan baik antara negara <ul style="list-style-type: none"> <li>- Politik</li> <li>- Ekonomi</li> <li>- Sosial</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menyokong dan melibatkan diri dalam pelbagai program ke arah mewujudkan hubungan yang baik antara negara</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Membincangkan pelaksanaan pelbagai program yang mewujudkan hubungan baik antara negara.</li> <li>ii. Interaksi dengan rakan daripada negara jiran melalui internet atau surat menyurat.</li> </ol>